



## MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan.

Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia untuk anda kongsi pendapat dengan kami dari semasa ke semasa.

**24.03.2023**

### ❖ **Toyo Ventures mencetus kemarahan Bursa Malaysia kerana menarik balik dividen yang telah diisytiharkan**

Tajuk di atas dengan lantang dan jelas menegaskan bahawa syarikat awam tersenarai (*public limited companies*, PLC) perlu bertanggung jawab dan membuat keputusan secara berhemat sebelum mengisytiharkan dividen.

PLC perlu berhati-hati dan memastikan mereka dapat melaksanakan pembayaran dividen berkenaan dan memastikan tiada penarikan balik sebaik sahaja dividen itu diisytiharkan.

Bursa Malaysia Securities Berhad pada 8 Mac telah membuat teguran secara terbuka terhadap Toyo Ventures Holdings Berhad, yang mana pada 31 Januari 2022, telah menarik balik dividen akhir yang dicadangkan sebanyak satu sen sesaham selepas ia dicadangkan pada 30 November 2021. Pengisytiharan dividen satu sen itu adalah bagi tempoh kewangan berakhir 30 September 2021 (tempoh kewangan berakhir 2021).

Penarikan balik oleh Toyo Ventures bercanggah dengan perenggan 8.26(1) dalam Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama (*Main Market Listing Requirements*, MMLR), yang secara jelas menyatakan bahawa sebaik sahaja dividen diisytiharkan atau dicadangkan, syarikat tersenarai tidak boleh membuat apa-apa pengubahsuaian kepada kelayakan dividen itu.

Toyo Ventures ialah sebuah syarikat pemegang pelaburan yang mana sebahagian besar anak syarikatnya terlibat dalam aktiviti pengilangan dakwat percetakan, induk (*masterbatch*) warna, wayar potongan mesin nyahcas elektrik (*electrical discharge machining*, EDM), elektrod grafit EDM serta jual beli peralatan dan bahan habis guna untuk percetakan, sistem kemasan automotif komponen dan peralatan EDM serta bahan habis pakai dan jentera kawalan berangka berkomputer (*computer numerical control*, CNC).

Walaupun pengawal selia pasaran tidak mendapati mana-mana pengarah Toyo Ventures telah menyebabkan atau membenarkan pelanggaran oleh syarikat, ia

tetap menegaskan bahawa para pengarah perlu mengamalkan standard tanggungjawab dan akauntabiliti yang sewajarnya dalam memastikan pematuhan terhadap MMLR.

“Bursa Malaysia Securities memandang serius pelanggaran itu kerana syarat untuk tidak membuat sebarang pindaan seterusnya kepada kelayakan dividen adalah tanggungjawab asas syarikat tersenarai dan amat penting dalam memastikan kepastian dan integriti pasaran serta menegaskan bahawa tindakan itu tidak menjejaskan kepentingan pemegang saham dan pelabur,” kata pengawal selia tersebut dalam satu kenyataan media.

### **Apakah yang berlaku?**

Pada permulaannya iaitu pada tarikh 30 November 2021, Toyo Ventures mengumumkan cadangan dividen akhir satu peringkat sebanyak 1 sen sesaham bagi tempoh kewangan berakhir 2021.

Syarikat itu merekodkan rugi bersih berjumlah RM13.14 juta bagi tempoh tiga bulan berakhir 30 September 2021 dan mempunyai rugi terkumpul berjumlah RM12.92 juta untuk tempoh kewangan 15 bulan berakhir 2021 apabila mengumumkan keputusan suku tahunan pada 30 November 2021 (suku kelima tempoh kewangan berakhir 2021, Q5FPE2021).

Walaupun berada dalam kedudukan rugi, Toyo Ventures membuat keputusan untuk meneruskan cadangan pembayaran dividen kerana ia masih mempunyai pendapatan tertahan yang mencukupi yang dibawa ke hadapan dari tahun kewangan sebelumnya.

Bagaimanapun, syarikat mengubah fikiran dengan membuat keputusan untuk menarik balik cadangan pelaksanaan dividennya pada 31 Januari 2022 kerana pendapatan tertahan syarikat ternyata tidak mencukupi. Ketidacukupan itu timbul daripada pelarasan tertentu yang dibuat dalam penyata kewangan terauditnya bagi tempoh kewangan 15 bulan berakhir 30 September 2021 yang dikeluarkan pada 31 Januari 2022. Pelarasan ini sepatutnya telah diambil kira dalam Q5FPE2021 atau suku-suku tahun sebelumnya.

Dalam hal ini, PLC sepatutnya lebih mengetahui keadaan kewangan mereka sebelum mencadangkan dividen. Kadangkala, penyata kewangan yang tidak diaudit tidak semestinya menjadi kayu pengukur yang baik terutamanya apabila juruaudit luar tidak terlibat pada setiap suku tahun untuk menyemak penyata kewangan mereka. Kebolehpercayaan terhadap keputusan suku tahunan yang tidak diaudit dalam keadaan sedemikian adalah sama seperti fungsi kewangan.

PLC yang bersaiz lebih kecil mungkin tidak mahu menanggung bayaran kepada juruaudit luar untuk menyemak penyata kewangan mereka pada setiap suku tahun sebelum keputusan syarikat diumumkan.

Oleh yang demikian, apabila peruntukan diperlukan atau rosot nilai dibuat selepas audit luar melakukan pemeriksaan, mungkin terdapat perbezaan yang material dalam pendapatan yang dilaporkan. Ini boleh mengakibatkan kejutan yang tidak sepatutnya seperti menarik balik cadangan dividen disebabkan oleh pendapatan

tertahan yang tidak mencukupi atau mengikut kejadian paling buruk, syarikat tiba-tiba mendapati mereka telah disenaraikan sebagai syarikat yang terjejas di bawah Nota Amalan 17.

Perlu diingatkan bahawa Seksyen 131 Akta Syarikat 2016 menyatakan bahawa dividen perlu dibayar daripada keuntungan syarikat. Ia tidak sepatutnya dibayar jika pengagihan itu akan menyebabkan syarikat diisytiharkan bankrap.

### **Jarang terjadi tetapi pernah berlaku sebelum ini**

Toyo Ventures bukanlah PLC pertama yang menarik balik dividen yang telah diisytiharkan atau dicadangkan, walaupun tindakan sedemikian jarang-jarang berlaku dan bukan kebiasaan.

Untuk makluman, cadangan dividen disyorkan oleh lembaga pengarah (*board of directors*, BOD) pada akhir tempoh kewangan.

Pengarah mestilah berpuas hati bahawa syarikat tidak akan menjadi bankrap selepas pengagihan dibuat. Beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan adalah seperti ketersediaan jumlah tunai dan kesetaraan tunai, jumlah pendapatan tertahan, keperluan pembiayaan pada masa hadapan dan keperluan modal kerja.

Semasa kemuncak pandemik COVID-19 (April 2020), Affin Bank Berhad ('Bank') berhasrat menyemak semula kuantum dividen interimnya daripada 7 sen kepada 5 sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Bank menganggap semakan itu sebagai pendekatan berhemat yang bertujuan mengekalkan modal dan mudah tunainya memandangkan keadaan ekonomi pada waktu itu. Oleh itu, Bank telah mencuba mendapatkan kelulusan Bursa Malaysia Securities untuk cadangan penepian berhubung semakan dividen kerana ia tidak mematuhi Perenggan 8.26(1) MMLR.

Bagaimanapun, Bursa Malaysia menolak permohonan penepian Bank itu dan akhirnya kuantum dividen kembali kepada 7 sen sesaham seperti yang dicadangkan sebelum ini.

Pada kemuncak pandemik COVID-19, bank-bank utama seperti HSBC membatalkan dividen mereka untuk mengekalkan modalnya. Begitu juga bank-bank global yang lain, terutamanya Royal Bank of Scotland dan Barclays, yang dilaporkan berkata mereka akan membatalkan mana-mana pembayaran dividen yang tertunggak.

Ironinya bagi Affin Bank Berhad, ia adalah kes yang 'lain daripada yang lain' memandangkan tiada bank-bank lain di Malaysia yang diketahui berhasrat untuk mengurangkan cadangan dividen mereka.

Dalam kes Affin Bank dan Toyo Ventures, Bursa Malaysia menegaskan bahawa sebaik sahaja dividen diumumkan kepada bursa, syarat-syarat penyenaiaannya melarang sebarang pindaan kepada kelayakan dividen yang diisytiharkan atau yang dicadangkan kepada pemegang saham.

Menurut pengawal selia pasaran itu, rasional di sebalik syarat tersebut adalah untuk melindungi kepentingan pelabur dan pemegang saham memandangkan kelayakan dan pembayaran dividen merupakan sebahagian daripada pertimbangan utama ketika membuat keputusan pelaburan. Ini adalah kerana pelabur membuat keputusan pelaburan mereka berdasarkan maklumat dividen yang diisytiharkan.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

**Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 27 hingga 31 Mac 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
27.03.23 (Isnin) 10.00 pagi	Classita Holdings Berhad (dahulunya dikenali sebagai Caely Holdings Bhd) (EGM)	Classita mencadangkan untuk mengumpulkan dana berjumlah antara RM30 juta dan RM96.54 juta daripada pelaksanaan terbitan hak bagi perniagaan pembinaan dan pembangunan hartanahnya. Sebahagian besar daripada dana ini akan disalurkan kepada projek pembangunan bercampur komersial dan kediaman di Bentong.  MSWG akan mengundi "membantah" resolusi itu kerana Lembaga Pengarah sepatutnya menumpukan perhatian terhadap penyelesaian pertikaian undang-undang yang berterusan serta meningkatkan prestasi perniagaan pembuatannya terlebih dahulu dan bukannya mengumpulkan dana untuk membina lebih banyak rumah di Bentong.
27.03.23 (Isnin) 10.30 pagi	Visdynamics Holdings Berhad (AGM)	Pendapatan Kumpulan meningkat sebanyak 7% tahun ke tahun kepada RM51.1 juta (tahun kewangan 2021: RM47.9 juta) terutamanya disebabkan oleh campuran produk dan jualan produk dengan harga jualan purata yang lebih tinggi serta Dolar AS yang lebih kukuh. Pendapatan Operasi Lain meningkat kepada RM3.93 juta (tahun kewangan 2021: RM478,000) terutamanya disebabkan oleh

		<p>pengukuhan Dolar AS dalam tahun yang ditinjau. Ini mencatatkan peningkatan dalam keuntungan pertukaran mata wang asing yang direalisasi dan tidak direalisasikan masing-masing berjumlah RM547,000 dan RM2.89 juta, berbanding tahun kewangan sebelumnya. Selaras dengan peningkatan dalam pendapatan dan margin untung kasar, Kumpulan mencatatkan untung sebelum cukai yang lebih tinggi berjumlah RM16.4 juta (tahun kewangan 2021: RM12.5 juta).</p>
<p>27.03.23 (Isnin) 12.30 tengah hari</p>	<p>Visdynamics Holdings Berhad (EGM)</p>	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan terbitan bonus saham baharu</li> <li>- Cadangan terbitan bonus waran percuma</li> <li>- Cadangan penubuhan skim opsyen saham pekerja (<i>employees' share option scheme, ESOS</i>)</li> <li>- Cadangan peruntukan opsyen ESOS kepada pengarah eksekutif yang layak dan orang yang berkaitan dengan pengarah yang layak, berdasarkan ESOS yang dicadangkan.</li> </ul>
<p>28.03.23 (Selasa) 10.00 pagi</p>	<p>Wong Engineering Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Untung bersih Kumpulan bagi tahun kewangan 2022 merosot sebanyak 68% kepada RM3.3 juta daripada RM10.2 juta setahun yang lalu, yang menyaksikan pendapatan menyusut 11% daripada RM83.9 juta kepada RM74.7 juta.</p> <p>Prestasi yang lemah ini disebabkan oleh perniagaan hartanah dan pembinaannya yang rugi, yang menjadikan prestasi merosot kepada rugi sebelum cukai sebanyak RM2.8 juta daripada untung sebelum cukai berjumlah RM7.4 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Ini berpunca daripada pengebilan yang lebih rendah</p>

		<p>disebabkan projek Kuchai Lama sudah hampir siap.</p> <p>Untung sebelum cukai bagi segmen kejuruteraan ketepatannya melonjak 131% kepada RM8.46 juta, didorong oleh permintaan yang kukuh daripada sektor elektrik dan elektronik.</p>
28.03.23 (Selasa) 10.00 pagi	G3 Global Berhad (EGM)	<p>G3 berhasrat membentangkan cadangan berikut untuk kelulusan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Cadangan mengubah penggunaan hasil yang diperoleh daripada penempatan persendirian yang telah dimuktamadkan pada 27 Jun 2022 kepada penggunaan semasa yang dimaksudkan.</li> <li>- Cadangan penempatan persendirian sehingga 870.826 juta saham baharu, mewakili 30% daripada jumlah bilangan saham terbitannya.</li> </ul>
29.03.23 (Rabu) 03.00 petang	Nexgram Holdings Berhad (EGM)	<p>Nexgram mencadangkan penyelesaian hutang dengan pemiutangnya iaitu Dato' Yek Siew Lee (Pengarah Urusan Nexgram), Travix Design &amp; Renovation Sdn Bhd dan Midland Sands Sdn Bhd yang akan dipenuhi melalui penerbitan saham penyelesaian dan saham keutamaan boleh tukar tidak boleh tebus (<i>irredeemable convertible preference shares, ICPS</i>) baharu.</p> <p>Syarikat juga mencadangkan pindaan terhadap perlembagaan syarikat untuk mencerminkan dan memasukkan syarat-syarat ICPS baharu.</p>
30.03.23 (Khamis) 10.00 pagi	Bursa Malaysia Berhad (AGM)	<p>Selepas dua tahun mencatatkan prestasi yang memberangsangkan, Bursa Malaysia mencatatkan prestasi kewangan yang lemah pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Pendapatan operasinya menyusut 22.1% tahun ke tahun kepada RM585.3 juta daripada RM751.6 juta</p>

		<p>pada tahun kewangan 2021 disebabkan oleh sumbangan yang rendah daripada Pasaran Sekuriti. Bahagian itu menyumbangkan 45% daripada pendapatan Bursa Malaysia pada tahun kewangan 2022.</p> <p>Disebabkan itu, untung bersihnya menyusut sebanyak 36% tahun ke tahun kepada RM226.6 juta bagi tahun kewangan 2022 berikutan nilai dagangan sekuriti yang lebih rendah.</p> <p>Purata nilai dagangan harian Pasaran Sekuriti bagi urus niaga dalam pasaran ialah sebanyak RM2.1 bilion, iaitu 41.5% lebih rendah daripada RM3.5 bilion yang dicatatkan pada tahun kewangan 2021.</p>
30.03.23 (Khamis) 10.00 pagi	MYNews Holdings Berhad (AGM)	<p>Mynews mencatatkan pendapatan berjumlah RM631.33 juta bagi tahun kewangan 2022, meningkat 60.1% tahun ke tahun berbanding pendapatan tahun lalu sebanyak RM394.37 juta.</p> <p>Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pembukaan cawangan baharu, waktu perniagaan yang lebih panjang, ditambah pula dengan peningkatan keseluruhan dalam jualan di kedai berikutan pembukaan semula perniagaan dan aktiviti sosial daripada sekatan akibat pandemik yang dihadapi pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Selaras dengan peningkatan itu, rugi bersihnya bagi tahun kewangan 2022 adalah 52.8% lebih rendah, iaitu RM23.60 juta, berbanding RM49.97 juta pada tahun kewangan sebelumnya.</p>
30.03.23 (Khamis) 10.30 pagi	Eco World International Berhad (AGM)	<p>Eco World International melaporkan pendapatan berjumlah RM160 juta dan rugi selepas cukai berjumlah RM233 juta bagi tahun kewangan 2022. Pendapatan ini disumbangkan oleh penyerahan unit di Yarra One dan West Village, manakala rugi</p>

		adalah disebabkan oleh rosot nilai dalam EcoWorld Ballymore dan bahagian kerugian dalam usaha sama.
31.03.23 (Jumaat) 10.30 pagi	Hextar Global Berhad (EGM)	Hextar Global mencadangkan untuk menerbitkan sehingga 2.63 bilion saham bonus baharu berdasarkan dua saham bonus untuk setiap satu saham Hextar Global sedia ada yang dipegang.
31.03.23 (Jumaat) 11.00 pagi	SC Estate Builder Berhad (EGM)	Syarikat sedang membentangkan cadangan untuk melantik juruaudit Tetuan ChengCo PLT (AF0886) bagi menggantikan Tetuan Ong & Wong (AF0241) yang bersara sebagai Juruaudit Syarikat.

**Perkara penting untuk diketengahkan:**

<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
Classita Hodings Berhad (dahulunya dikenali sebagai Caely Holdings Bhd) (EGM)	<p>Sudah hampir tujuh bulan berlalu sejak pelantikan barisan lembaga pengarah baharu pada 29 Ogos 2022 berikutan Perintah Mahkamah yang bertarikh pada hari yang sama.</p> <p>Namun begitu, Classita terus menghadapi pelbagai isu yang tidak dapat diselesaikan, termasuklah pertikaian undang-undang (halaman 37 – 43, Pekeliling bertarikh 10 Mac 2023), dakwaan transaksi yang mencurigakan dan tidak nalar, dakwaan penyelewengan dana oleh bekas pengarah dan perniagaan yang menjana kerugian.</p> <p>Bagi meraih semula keyakinan pemegang saham dan memastikan kemampuan perniagaan Classita untuk jangka panjang, wajarkah Lembaga Pengarah tidak menumpukan pada menyelesaikan isu perundangan ini sebaliknya memulakan usaha pengumpulan dana secara besar-besaran untuk mengembangkan lagi perniagaan pembangunan hartanah?</p> <p>Mengapakah Syarikat tidak fokus terhadap memulihkan projek hartanah sedia ada sebelum memulakan usaha peluasan?</p>
Visdynamics Holdings Berhad (AGM)	<p>Amerika Syarikat ("AS") baru-baru ini telah mengenakan sekatan menyeluruh yang menghalang penjualan cip semikonduktor berteknologi canggih dan peralatan termaju ke China, serta pengetahuan yang berkaitan dengannya daripada mana-mana warganegara, pemastautin dan penghuni tetap AS.</p> <p>Apakah pandangan Lembaga Pengarah tentang kesan kawalan baharu ini terhadap perniagaan Kumpulan? Sejauh manakah sekatan baharu AS menjadi ancaman atau membuka peluang kepada Kumpulan?</p>



<p>Wong Engineering Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan telah mengikat kontrak untuk memperoleh brek penekan dan mesin gabungan laser gentian berkawalan berangka komputer (<i>computer numerical control, CNC</i>) baharu untuk melentur kepingan logam. Tambahan pula, Kumpulan kini sedang dalam proses membina kilang merangkap gudang baharu di Lot 25, dengan tarikh siap ditetapkan pada separuh kedua tahun 2023 (halaman 17, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>a) Berapakah kadar peningkatan produktiviti, pendapatan dan keuntungan yang dijangka dapat dicapai oleh Kumpulan daripada pembelian mesin dan pembinaan kilang baharu ini?</p> <p>b) Bagaimanakah Kumpulan merancang untuk memanfaatkan kilang dan mesin baharunya ini dalam usaha mengembangkan operasinya ke pasaran atau sektor baharu? Adakah pelaburan ini dibuat sebagai tindak balas terhadap permintaan pasaran atau sebagai sebahagian daripada pelan strategik yang lebih menyeluruh?</p> <p>c) Berapakah kadar penggunaan semasa di kilang yang sedia ada?</p>
<p>G3 Global Berhad (EGM)</p>	<p>Walaupun Syarikat telah memuktamadkan pelaksanaan penempatan persendirian pada tahun 2022, apakah yang menyebabkan G3 Global memilih satu lagi penempatan persendirian dan bukannya terbitan hak? Ini adalah kerana pengumpulan dana menerusi kaedah penempatan persendirian tidak memberikan peluang kepada pemegang saham sedia ada untuk meningkatkan lagi ekuiti mereka, mengambil bahagian dalam pertumbuhan Syarikat, serta akan mencairkan pegangan saham mereka yang sedia ada. Adakah cadangan penempatan persendirian ini kaedah penjana dana yang adil untuk pemegang saham yang sedia ada?</p>
<p>Bursa Malaysia Berhad (AGM)</p>	<p>Kejatuhan bursa kripto dan dana lindung nilai berprofil tinggi pada tahun 2022 iaitu FTX, Three Arrows Capital mendedahkan kelemahan dalam pengawalseliaan dan pengawasan terhadap industri kripto. Namun begitu, ia menunjukkan peningkatan permintaan untuk produk tersebut, terutama daripada kalangan pelabur muda dan celik teknologi.</p> <p>Berbekalkan pengalaman yang luas dalam bidang kawal selia dan pematuhan, adakah Bursa akan mempertimbangkan untuk memanfaatkan sektor ini bagi mengembangkan rangkaian produk dan perkhidmatannya?</p>
<p>MYNews Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Apakah yang menyebabkan lonjakan 111.9% dalam inventori rosak dan dihapuskan daripada RM9.882 juta pada tahun kewangan 2021 kepada RM20.944 juta pada tahun kewangan 2022 (halaman 124, Laporan Tahunan 2022)? Walhal pendapatan kumpulan meningkat sebanyak 60.1% dalam tempoh yang sama iaitu apabila perniagaan kumpulan</p>

	sedang mengalami pemulihan disebabkan pandemik Covid-19?
Eco World International Berhad (AGM)	<p>Lembaga Pengarah Eco World International telah menetapkan sasaran jualan sebanyak RM1.4 bilion bagi tahun kewangan 2023 dengan hasrat untuk menjual sebahagian besar unit siap menjelang Oktober 2023. (Halaman 26, Laporan Audit Dalam)</p> <p>a) Sila berikan pecahan sasaran jualan projek hartanah yang berjumlah RM1.4 bilion, masing-masing mengikut wilayah, lokasi dan nilainya.</p> <p>b) Berapakah bilangan unit hartanah siap yang masih tidak terjual dan nilainya di UK dan Australia pada tahun kewangan 2022?</p>

### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

### PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.